

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 AUGUST 2016

Perjuangan peribadi Parti Pribumi

BH - 11/8/2016

Setelah lama menunggu, kelmarin bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pun menyerahkan kepada pejabat Pendaftaran Pertubuhan (ROS) permohonan menubuhkan parti politik bernama Parti Pribumi Bersatu Malaysia. Selain Muhyiddin sebagai Presiden, jawatankuasa penajanya dikatakan terdiri daripada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai Pengerusi; bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, sebagai Naib Presiden; serta empat penama lain yang langsung tidak berpengaruh.

Tindakan ini menyusuli penguaman Dr Mahathir pada 14 Julai lalu, setelah bermesyuarat dengan pemimpin parti pembangkang utama negara, mengenai cadangan penubuhan satu pakatan pembangkang baharu yang akan dianggotai DAP, PKR, Parti Amanah Negara selaku anggota Pakatan Harapan (PH), parti beliau sendiri serta 'mana-mana parti politik, individu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menentang kerajaan sedia ada'. Ini diikuti persetujuan Muhyiddin ke atasnya dua hari kemudian dan mesyuarat penubuhan parti baharu itu di kediaman Dr Mahathir pada 3 Ogos.

Parti ini cuba menonjolkan seolah-olah ia benar-benar memperjuangkan kepentingan peribumi, khususnya kepentingan orang Melayu Islam. Begitupun, hakikat sebenarnya ialah, daripada 13 butiran matlamat penubuhannya, hanya empat matlamat sahaja yang boleh dikaitkan dengan kepentingan pribumi, iaitu 'menegakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan', 'menjunjung kemuliaan dan kedaulatan institusi Raja-Raja Me-

layu', 'mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak' dan 'memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan'.

Pada masa sama, persekongkolannya dengan DAP terutama menjadikan dakwaan parti baharu ini memperjuangkan kepentingan pribumi, boleh diragui kerana menjadi pengetahuan umum perlembagaan DAP tidak mengandungi pengiktirafan ke atas kedudukan Islam, Raja-Raja Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak. Malah, Muhyiddin sendiri sewaktu merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO pada 29 November 2011 sendiri pernah mengkritik teruk bukan setakat DAP tetapi juga PKR dalam hal ini.

Cuba menumpang tuah

Tegas Muhyiddin waktu itu, "Parti DAP tanpa segan silu membuat kenyataan demi kenyataan menghina Islam dan orang Melayu. Daripada soal kedudukan Raja-Raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, segala-galanya cuba dipertikai dan dirobek satu demi satu oleh parti DAP". Tambah beliau, "Orang Melayu yang bersekolong dengan DAP adalah pengkhianat bangsa". Mengenai PKR, beliau menyebut, "PKR ini ketandusan agenda untuk orang Melayu dan Islam. PKR sebuah parti ultraliberal yang tiada asas moral dalam perjuangannya."

Mungkin menyedari masalah bakal dihadapinya dalam meyakinkan peribumi supaya menyokongnya, maka strategi digunakan olehnya ialah dengan cuba menumpang tuah pertubuhan lain

yang dikaitkan dengan perjuangan membela peribumi. Sebab itulah perkara pertama yang terlintas di kepala setelah nama parti ini diisytiharkan ialah hubungannya dengan PERKASA, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia. Nama parti baharu itu, ada istilah Pribumi di dalamnya, begitu juga dengan nama PERKASA, menampakkan seolah-olah Parti Pribumi cuba mencuri identiti atau ahli PERKASA.

Kemungkinan untuk Parti Pribumi menyasarkan ahli PERKASA sebagai ahlinya tidak seharusnya membimbangkan pesaing politiknya kerana tidak diyakini ramai ahli PERKASA akan berbuat demikian, tetapi penggunaan istilah Pribumi yang turut digunakan oleh PERKASA, boleh memberi sedikit masalah kepadanya. Begitu juga dengan penggunaan 'Bersatu' sebagai nama ringkas parti sedangkan 'Bersatu' dilihat sinonim dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO yang slogannya adalah 'Bersatu, Bersejati, Berkhidmat'. Cogan kata Parti Pribumi pula ialah 'Bersatu, Beramanah, Bermaruah'.

Mengikut Seksyen 7(3)(d) Akta Pertubuhan 1966, Pendaftar hendaklah menolak pendaftaran sesuatu pertubuhan jika namanya, pada pendapat Pendaftar, akan mengelirukan atau dikira akan mengelirukan orang awam mengenai corak atau maksud pertubuhan itu yang sebenarnya atau adalah sebegitu hampir serupa dengan nama lain-lain pertubuhan hingga mungkin memperdayakan orang awam atau anggota mana-mana satu pertubuhan itu; atau adalah sama dengan nama mana-mana lain pertubuhan tempatan yang ada; atau adalah, pada pendapat Pendaftar,

tidak diingini (*undesirable*).

Lebih menarik untuk diteliti ialah kemampuan Parti Pribumi mengotakan janji-janji, termasuk 'memperkuhkan institusi demokrasi menerusi reformasi institusi yang menyeluruh' mahupun 'mewujudkan amalan tadbir urus yang baik dan pemerintahan yang bersih, beramanah dan berintegriti', yang diikrarkan olehnya.

Suara tak puas hati

Kini pun sudah kedengaran suara tidak puas hati kerana tumpuan berlebihan (yang bersifat kosmetik) Parti Pribumi kepada peribumi dan pada masa sama, tidak mahu meninggalkan walaupun terpaksa memberikan layanan kelas kedua kepada bukan peribumi, seolah-olah semua mahu digapai olehnya. Banyak pihak menyebut betapa jika S46 pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah yang lebih asli perjuangan peribuminya pun tetap gagal apalah pula perjuangan buat-buatan Dr Mahathir. Begitu juga dengan kebimbangan parti berteraskan Melayu lain seperti Parti Amanah Negara ekoran kewujudan Parti Pribumi.

Paling mencederakan Parti Pribumi ialah dakwaan bahawa tujuan sebenar ia diwujudkan hanyalah untuk mengembalikan kuasa pemerintahan negara kepada Dr Mahathir semata-mata. Sementara kedudukan tinggi Mukhriz di dalam parti yang dikatakan mengiakan dakwaan bahawa perjuangan politik Dr Mahathir adalah perjuangan peribadi masih belum boleh disahihkan, perlembagaan Parti Pribumi yang didakwa memberi kuasa mutlak kepada pengerusi parti berbanding kepada presiden, dikatakan menjadi lambang kepada kediktatoran parti ini dan negara jika ia berkuasa.

